

20/10/2003

20,000 kunjungi pameran Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Lebih 20,000 mengunjungi pameran gambar Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara sejak dibuka 6 Oktober lalu.

Pameran yang memaparkan kehidupan Perdana Menteri daripada pelbagai aspek melalui rakaman lensa kamera berjaya mencuri perhatian pengunjung pelbagai latar belakang dan keturunan.

Tinjauan Berita Harian semalam mendapati bilangan pengunjung semakin bertambah, terutama pada hujung minggu.

Pengunjung, Goh Poh Eng, 24, dari Pulau Pinang berkata pameran memberikan lebih pendedahan kepadanya untuk melihat lebih dekat pelbagai aspek kehidupan Perdana Menteri.

"Kalau melalui televisyen kita biasanya hanya melihat beliau sebagai pemimpin negara, tetapi melalui pameran ini kita dapat menyusuri setiap langkah perjuangannya sejak mula menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Pameran ini adalah landasan terbaik menghargai perjuangan dan jasanya kepada negara, selain memaparkan beliau sebagai negarawan terulung," katanya.

Badaruddin Abdul Hadi, 40 pula berpendapat, pameran lebih 1,000 gambar eksklusif Dr Mahathir adalah pengiktirafan kepadanya sebagai pemimpin yang berjaya membawa Malaysia setanding negara lain.

"Tahniah kepada Balai Seni Lukis Negara kerana berjaya menganjurkan pameran yang benar-benar berjaya memberikan gambaran suka duka pemimpin negara sepanjang 22 tahun sebagai Perdana Menteri," katanya yang bertugas sebagai anggota pasukan keselamatan..

Beliau yang mengetahui mengenai pameran itu menerusi akhbar berpendapat ia peluang terbaik membawa seisi keluarga melihat lebih dekat wajah suka duka Perdana Menteri.

Rohani Ismail, 25, dari Seremban berkata pameran seperti itu patut diteruskan dan dilanjutkan di tempat lain supaya segenap lapisan masyarakat dapat mengunjunginya.

"Kadang-kadang kita tak terfikir langsung bagaimana seorang Perdana Menteri menjalani kehidupan sehariannya, tetapi dengan pameran ini, kita dapat lihat rentetan peristiwa daripada awal pembabitannya sejak 1981," katanya.

Selain itu katanya, pameran yang memaparkan koleksi dari jurugambar profesional dapat dijadikan rujukan kepada pelajar, terutama yang mengambil bidang fotografi.